



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20
MAJLIS MESYUARAT NEGARA
(JURNAL HARIAN)**

**PADA HARI KHAMIS, 26HB., SYA'ABAN 1445 / 07HB., MAC 2024
(HARI KELAPAN)**

1. Do'a Selamat

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

2.1. KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

2.1.1. Jawatankuasa telah menyambung tajuk bagi menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Tajuk SJ01A.

2.1.2. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, iaitu:

- i. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin;
 - Mencadangkan agar pihak berwajib menyediakan kunci kira-kira dan mengisyiharkan jumlah kutipan dari tabung derma dan dana bagi pembinaan dan pembalikan masjid kepada orang ramai secara berkala;

- Memohon pencerahan mengenai penggunaan peruntukan kerajaan atau dari tabung masjid digunakan untuk membayar pelapis imam; dan
- Menyoalkan mengenai tindakan yang sudah diambil terhadap beberapa cadangan bagi memperkasakan institusi masjid yang disarankan semasa Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara;

- ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf;
 - Memohon status perkembangan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal dalam menjalankan fungsi dan perannya seperti yang dihasratkan;
 - Ingin mengetahui strategi pelan tindakan dan rangka kerja untuk menggerakkan dan memantapkan Jabatan Zakat, Waqaf dan Baitulmal bersandarkan kepada peranan dan fungsi jabatan tersebut;
 - Ingin mengetahui sejauh mana fungsi dan peranan Jabatan Zakat, Waqaf dan Baitulmal diberikan dan disebarluaskan sebagai usaha untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat mengenai Zakat, Waqaf dan Baitulmal;
 - Memohon pencerahan akan jumlah peratus purata tahunan graduan keluaran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) yang mendapat pekerjaan termasuk dalam profesion perguruan; dan
 - Ingin mengetahui strategi dan inisiatif Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam menjadikan graduan-graduan KUPU SB lebih *marketable* dan menggalakkan ke arah keusahawanan selaras perkembangan masa kini dan masa akan datang.

- iii. Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed;
- Menyentuh untuk memberikan perhatian serius terhadap kesihatan mental guru-guru dan memastikan mereka tidak merasa terpinggir atau dilupakan kerana pembaharuan sistem integrasi; dan
 - Menyeru untuk menambah baik sukanan pelajaran (*syllabus*) mata pelajaran ugama agar lebih relevan dan sesuai dengan keperluan; dan untuk mempertimbangkan penggunaan teknologi digital bagi menyediakan bahan pembelajaran interaktif dan pendekatan kreatif.
- iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim;
- Memohon pencerahan mengenai keseluruhan proses pengeluaran sijil halal;
 - Ingin mengetahui berkenaan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang digunakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengesahkan dan membuat kerja-kerja audit bagi penyaji-penyaji makanan halal dan menyoalkan adakah ia akan dikongsikan dalam *online platform*;
 - Memohon pencerahan mengenai langkah-langkah Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk meneroka pilihan-pilihan yang tidak bercanggah dengan hukum bagi mengurangkan masa dan perbelanjaan pihak-pihak yang terlibat;
 - Menyeru agar lantikan imam dan pegawai masjid bagi projek pembinaan masjid-masjid dibawah RKN-12 dapat diselaraskan dan diusahakan lebih awal;
 - Menyarankan supaya pembinaan masjid-masjid di kawasan Skim Perumahan Negara diselaraskan dengan penyiapan rumah-rumah

dalam skim tersebut agar boleh digunakan sebagai pusat aktiviti masyarakat;

- Mencadangkan pembinaan masjid di kawasan perumahaan untuk dilengkapi dengan ruang khusus khas dipenuhi dengan alat komputer bagi tujuan penyelidikan bagi penggunaan dan kemudahan jemaah terutamanya belia dan penuntut;
- Menyatakan bahawa adalah penting bagi *transparency* dan *accountability* dalam menggunakan wang kutipan Dana Masjid; dan
- Memohon pencerahan mengenai kelebihan penceramah-penceramah asing yang boleh dijadikan sebagai teladan yang baik kepada penceramah-penceramah tempatan dan ingin mengetahui usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama mengangkat penceramah-penceramah tempatan ke tahap pengetahuan, kewibawaan dan karisma penceramah luar negara.

v. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman;

- Menyoalkan jumlah sasaran hafaz Al-quran yang ingin dicapai oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama;
- Menyarankan keperluan imam-imam untuk diberi nilai tambah dengan kelengkapan etika kerja amalan-amalan terbaik pentadbiran, pengurusan kewangan dan kebolehan berkomunikasi;
- Menyoalkan mengenai tempat berkhidmat mereka yang sudah hafaz, sama ada berkhidmat di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama atau tidak diketahui;
- Menyoalkan mengenai masa menunggu edaran bagi mendapatkan rumah dan mengharapkan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan

lain-lain agensi untuk mencari penyelesaian segara melalui Sistem Kebajikan Negara;

- Menyarankan bagi kaedah menangani masalah permohonan dan memberikan bantuan untuk dikaji keberkesanannya dari masa ke semasa;
- Mengharapkan aktiviti-aktiviti badan sukarelawan kutipan bantuan makanan dan pakaian dapat dipantau bukan untuk tujuan menyekat tetapi digalakan supaya menjadi lebih teratur;
- Memohon pencerahan mengenai bilangan jumlah kes jenayah syariah yang telah dicatat itu merupakan kes yang membimbangkan atau kes biasa sahaja dan juga menyoal *trend* yang dapat dikesan dan bilangan jumlah kes syariah yang sudah dibicarakan; dan
- Menyoalkan sama ada jumlah keramaian pendakwa syarie adalah mencukupi untuk menangani kes-kes yang akan dibicarakan.

vi. Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin;

- Menyoalkan sekiranya jawatan guru ugama terlatih masih ada kekosongan dan bagaimanakah kaedah pengisian jawatan berkenaan setelah pemegangnya bersara dengan mengambil kira lepasan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) adalah pemegang Sijil Diploma Perguruan dan Ijazah Sarjana Perguruan;
- Ingin mengetahui samaada Kementerian Hal Ehwal Ugama mempunyai perancangan bagi mengadakan aplikasi pembayaran zakat yang dimiliki sendiri oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

vii. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin;

- Memohon memberi gakan proses dan garis pandu strategi Kementerian Hal Ehwal Ugama

untuk mempermudahkan penerimaan wakaf-wakaf individu dan mencepatkan pelaksanaan wakaf tersebut;

- Mencadangkan Kementerian Hal Ehwal Ugama menyediakan senarai-senarai projek amal yang layak menerima dana waqaf berserta jadual pembinaan projek bagi membolehkan individu yang berminat untuk membuat pilihan sendiri;
- Menyarankan untuk membuat mekanisme waqaf yang dicadangkan;
- Memohon pencerahan mengenai masalah kebimbangan pengurusan masjid yang selesai diwakafkan untuk memberi keterangan bagi menolak persepsi yang mungkin salah;
- Menyarankan untuk membuat inventori masjid-masjid yang masih belum mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk menampung jemaah-jemaah seperti prasarana bagi orang kurang upaya dan jumlah tandas;
- Memohon pencerahan untuk memastikan sama ada dana yang digunakan bagi pembinaan masjid-masjid adalah daripada dana rakyat yang dikumpul ataupun Dana Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dan menyarankan agar masjid baru yang dirancang dapat diakses dengan mudah oleh warga setempat dan komuter;
- Menyarankan agar pembinaan lokasi masjid berhampiran dengan jalan utama dan kawasan perumahan kampung serta menyarankan pembinaan masjid bersaiz sederhana yang mampu menampung 100 ke 200 orang berbanding membina masjid besar;
- Memohon pencerahan mengenai penilaian dan maklum balas sekolah swasta dalam mengatasi cabaran peningkatan jumlah murid dan guru dan cara menanganinya tanpa menjelaskan kualiti dan kos pembelajaran yang disebabkan oleh sistem integrasi;

- Memohon pencerahan mengenai status kutipan yang diharapkan pada zakat harta serta strategi pelan tindakan dalam meningkatkan kutipan, ilmu mempelbagai cara pengiraan dan pembayaran zakat harta; dan
- Ingin mengetahui status terkini inisiatif mengurangkan kos menunaikan haji dan pemerkasaan jenama Brunei Halal.

viii. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin;

- Menyoalkan jika terdapat pemikiran Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan usaha sama Jabatan Perdana Menteri untuk mengambil khidmat pemandu dari kalangan wanita bagi pegawai-pegawai kanan wanita kerajaan;
- Mencadangkan untuk menggalakkan lebih ramai lagi belia-belia untuk berjinak-jinak beramal di masjid dan diberikan latihan-latihan dan garis pandu yang akan melatih belia-belia untuk berdisiplin;
- Mencadangkan agar belia dan kanak-kanak yang mempunyai ciri-ciri yang bersesuaian diberi peluang dan dibolehkan melaungkan azan di masjid-masjid;
- Ingin mengetahui jika Kementerian Hal Ehwal Ugama akan menaik taraf Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ke taraf masjid;
- Memohon pencerahan mengenai permainan mesin cakar yang melibatkan belian dan jualan, sesuatu yang dikategorikan sebagai gharar ini adalah diharamkan.

2.1.3. Tajuk SJ01A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

[MAJLIS MESUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI SABTU, 9HB MAC 2024 JAM 9.30 PAGI]
